

## PENDAHULUAN

"Pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam: Permasalahan dan Penyelesaiannya dari perspektif pelajar", adalah tajuk bagi penulisan ini.

Kajian ini menumpukan kepada masalah-masalah pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam. Berbagai-bagai formula telah cuba dilaksanakan namun hasilnya masih belum sampai kepada matlamatnya. Kajian ini dijalankan untuk mencari asas-asas permasalahan sehingga penyelesaian dapat dibuat berdasarkan pemuliharaan asas-asas itu.

Pendekatan kepada kaedah penyelesaian hanya merujuk kepada dua aspek iaitu kurikulum dan pentadbiran kerana ke dua-duanya merupakan keseluruhan entiti pengajian-pengajian itu sendiri.

Cadangan yang diutarakan adalah praktikal untuk dilaksanakan di Akademi Islam atau Pusat Bahasa melihat kepada keadaan fizikal Akademi Islam, dan suasana perhubungannya dengan Pusat Bahasa yang terpisah.

### Tujuan Kajian.

Latihan ilmiah ini ditulis sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Syariah. Pemilihan tajuk ini bertujuan untuk mengenenagahkan pandangan, cadangan dan harapan pelajar terhadap pengajian Bahasa Arab di Akademi Islam.

### Method Kajian.

Dalam kajian ilmiah ini, Penulis menggunakan method penyelidikan

perpustakaan (library research) yang dibuat di perpustakaan utama Universiti Malaya, perpustakaan awam Pusat Islam, perpustakaan Pusat Bahasa , perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan perpustakaan Al-Malik Faisal kampus Akademi Islam, Milen Puri . Selain daripada itu, method kaji selidik, wawancara dan observasi. Dalam method kaji selidik, penulis telah mengambil 100 orang pelajar sebagai responden. Penulis belajar di Akademi Islam juga sehingga penulis boleh menggunakan method observasi dengan baik.

### Masalah Kajian.

Dalam membuat kajian ini, penulis tidak menghadapi terlalu banyak masalah kerana kerjasama yang diberikan oleh semua pihak adalah baik. Walau bagaimanapun penulis menghadapi masalah dalam mencari buku-buku yang sesuai dengan tajuk kajian.